



PEMANDANGAN dari udara keadaan banjir di Kampung Jemoreng, Mukah, Sarawak, semalam.

Mangsa banjir di Sarawak menurun kepada 6,249 orang

KUCHING 21 Jan. - Situasi banjir di Sarawak mula menampilkan tanda-tanda semakin pulih hari ini, apabila jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan berkurangan berbanding semalam.

Setakat pukul 6.30 petang, terdapat 6,249 mangsa masih berada di pusat pemindahan berbanding 8,556 orang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Rosidah Mohtar berkata, cuaca baik sepanjang hari semalam telah menyebabkan paras air di beberapa kawasan yang dilanda banjir mula surut.

Beliau berkata, ketika ini, hanya 37 pusat pemindahan banjir masih beroperasi berbanding 70 pusat dibuka semalam.

"Terdapat 6,249 mangsa daripada 1,437 keluarga di Kuching, Samarahan, Mukah dan Limbang ditempatkan di 37 pusat pemindahan berkenaan.

"Pusat pemindahan paling banyak dibuka adalah di Kuching iaitu 20 buah yang menempatkan 3,373 mangsa daripada 668 keluarga, diikuti 11 pusat menempatkan 1,598 mangsa daripada 402 keluarga di Samarahan, lima pusat menempatkan 1,244 mangsa daripada 357 keluarga di Limbang dan sebuah pusat menempatkan 34 mangsa daripada



Keadaan banjir itu bagaimanapun masih terkawal dan anggota keselamatan sentiasa memantau keadaan serta bersedia menyelamatkan penduduk sekiranya situasi memerlukan."

ROSIDAH MOHTAR

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara

10 keluarga di Mukah," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 27 buah sekolah masih ditutup kerana dijadikan sebagai pusat pemindahan mangsa banjir di seluruh negeri ini.

Beliau berkata, situasi banjir yang semakin baik itu bagaimanapun mungkin bersifat sementara kerana beberapa kawasan di negeri ini kembali menerima hujan lebat sejak pagi ini, disusuli air pasang tinggi pada sebelah petang.

Katanya, ekoran itu, beberapa

perkampungan yang sudah surut air pagi ini, didapati kembali dilanda banjir.

"Keadaan banjir itu bagaimanapun masih terkawal dan anggota keselamatan sentiasa memantau keadaan serta bersedia menyelamatkan penduduk sekiranya situasi memerlukan," katanya.

Terdahulu dalam satu kenyataan, MKN memaklumkan Jabatan Meteorologi telah mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga melanda Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu dan Bintulu dijangka berterusan berlaku.

Sehubungan itu, kata kenyataan tersebut, semua penduduk yang terlibat dengan bencana dinasihati sentiasa peka dengan keadaan sekitar dan mematuhi semua arahan daripada pihak berkuasa termasuk arahan untuk berpindah.

Dalam pada itu, tambah kenyataan itu, MKN memandang serius tindakan beberapa pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan maklumat palsu atau tidak sah berkaitan situasi banjir di dalam media sosial.

"Perkara itu amat dikesali kerana perbuatan itu boleh mengakibatkan panik kepada penduduk di Sarawak," katanya.